

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Kelembapan ekonomi Malaysia ekoran krisis kewangan 1997 telah meningkatkan kadar pengangguran, khususnya di kalangan siswazah (Lim et al., 2002:1). Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-majikan Malaysia, Shamsuddin Bardan dalam artikel bertajuk "Pengangguran Siswazah Hantui Ekonomi Malaysia", menganggarkan kira-kira seramai 100,000 graduan universiti telah menganggur dalam tempoh bermulanya krisis kewangan sehingga kini (Mohd. Shahar et al., 2003c).

Fenomena lebih penawaran golongan terpelajar ini dilihat sebagai masalah yang semakin meruncing apabila mereka (lepasan IPTA atau IPTS, luar atau dalam negara) gagal menempatkan diri dalam pasaran pekerjaan selepas menamatkan pengajian sehingga menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan pasaran.

Statistik menunjukkan bahawa jumlah siswazah yang menganggur meningkat dari masa ke semasa. Jabatan Tenaga Manusia (JTM)¹ melaporkan sepanjang tempoh 2001-2002, jumlah siswazah yang baru berdaftar dengan jabatan ini sebagai pencari kerja telah meningkat sebanyak 5.6 peratus, iaitu daripada 15,618 orang kepada 16,495 orang. Sehingga bulan Januari 2003 sahaja, jumlah golongan ini telah mencecah seramai 1,709 orang. Walau bagaimanapun, jumlah yang meningkat ini dianggarkan jauh lebih rendah daripada jumlah sebenar kerana tidak semua di antara siswazah menggunakan khidmat jabatan ini dalam usaha mencari pekerjaan. Memandangkan jumlah siswazah

¹ Menurut pegawai di Jabatan Tenaga Manusia, nama Jabatan Tenaga Rakyat telah ditukarkan kepada Jabatan Tenaga Manusia pada awal tahun 2003.

semakin meningkat dan dianggarkan seramai 84,276 orang graduan lagi bakal dikeluarkan oleh institusi akademik tempatan pada tahun 2003 (Mohd. Shahar et al., 2003d), perhatian yang serius perlu diberikan terhadap masalah ini.

1.2 Penyataan Masalah

Lambakan siswazah di pasaran buruh bukanlah satu isu baru. Negara pernah dibebani dengan masalah ini pada sekitar tahun 1980-an akibat kemelesetan ekonomi dunia yang sekaligus memberi kesan kepada ekonomi Malaysia. Jumlah pengangguran siswazah tertinggi yang pernah dicatatkan ialah pada tahun 1987 dan 1988, iaitu masing-masing seramai 19,000 dan 15,000 orang (Rahmah, 2000). Manakala, data dari Jabatan Tenaga Rakyat pula menunjukkan bahawa jumlah siswazah yang mendaftar di jabatan ini telah meningkat daripada 400 orang pada tahun 1980 kepada 10,189 orang pada Disember 1988 (Jomo, 1990).

Fenomena yang berlanjutan dan memberi impak negatif kepada negara ini tidak dipandang ringan oleh kerajaan sehingga menyebabkan mereka bertindak menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet pada tahun 1986 bagi menilai dan memperbaiki keadaan yang berlaku ketika itu. Kini, bagi menangani isu yang sama, satu Jawatankuasa Kabinet yang diketuai oleh Menteri Pendidikan dan dianggotai oleh menteri di empat kementerian, iaitu Kementerian Sumber Manusia, Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Belia dan Sukan serta Pembangunan Usahawan telah ditubuhkan pada tahun 2002. Di samping itu, dalam tahun yang sama juga, kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kecil Pengangguran Siswazah yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan dianggotai oleh seorang wakil pelajar dari setiap universiti tempatan dalam tahun yang sama bagi membincang dan memberi pandangan tentang masalah dan tindakan yang boleh diambil untuk mengatasinya (Mohd Fuad, 2002).

Komitmen yang ditunjukkan oleh kerajaan bagi menangani masalah ini menggambarkan bahawa fenomena pengangguran siswazah bukan sahaja memberi impak negatif kepada negara dan ekonomi, malah sosial dan politik. Daripada segi ekonomi, masalah pengangguran ini dilihat sebagai satu pembaziran sumber negara yang amat bernilai apabila pelaburan kerajaan secara besar-besaran dalam sistem pendidikan tinggi tempatan tidak mendapat pulangan yang sewajarnya (Lim et al., 2002). Kadar pulangan masa hadapan daripada golongan ini didapati tidak setimpal dengan kos yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan untuk menyediakan pendidikan tinggi kepada mereka. Ini sejajar dengan apa yang dikatakan oleh Siti Hajar & Zaini (1989; 262):

"Wang berjuta-juta ringgit telah tercurah guna memberi ilmu kepada golongan ini, menjadikan mereka satu pelaburan guna tenaga yang tidak boleh dipersiapkan. Wang telah habis, budi tidak bertabur "

Selain itu, kegagalan memenuhi harapan diri, keluarga, masyarakat, negara dan agama akan mewujudkan tekanan psikologi² di samping tekanan kewangan kepada graduan. Tempoh masa menganggur yang panjang akan melemahkan semangat, menghilangkan keyakinan serta maruah diri mereka (Zulkifly, 2003; Lim et al., 2002; Siti Hajar & Zaini, 1989). Kesan pengangguran ini juga dijelaskan oleh Alfred Marshall (1920; 462)³ sebagai, *".....waiting for work often involves so much anxiety and worry that it causes more strain than the work itself would do."*

² Hubungan antara pengangguran dan kesihatan mental boleh dilihat dengan lebih lanjut dalam Schaufeli, W. B. (1997).

³ Dipetik daripada Boheim & Taylor (2000).

1.3 Objektif, Skop dan Kepentingan Kajian.

Objektif utama kajian ini adalah untuk melihat trend penganggur siswazah di Malaysia dalam tempoh lima tahun selepas krisis kewangan 1997. Selain itu, kajian ini juga cuba melihat mengapa masalah pengangguran siswazah berlaku di Malaysia. Fokus kajian ini tertumpu kepada siswazah yang berada dalam pasaran serta aktif mencari pekerjaan dengan mendaftar di Jabatan Tenaga Manusia dari tahun 1998 sehingga 2002. Istilah graduan atau siswazah bagi kajian ini merujuk kepada pemegang diploma dan ijazah pertama yang dikategorikan dalam kumpulan 'profesional'⁴.

Kajian ini dirasakan amat penting kerana hasilnya diharap dapat menyediakan maklumat serta membantu pihak-pihak yang terbabit seperti;

- 1) Pihak universiti – supaya dapat menyediakan graduan yang mampu memenuhi permintaan pasaran pekerjaan.
- 2) Pihak kerajaan – agar dapat memperuntukkan perbelanjaan secara cekap dalam pelaburan sistem pendidikan tinggi tempatan setimpal dengan keperluan guna tenaga negara.
- 3) Pihak graduan – supaya lebih peka dengan perubahan dan kehendak pasaran buruh serta bijak membuat persediaan awal bagi menghadapinya setelah tamat pengajian.
- 4) Pasaran buruh siswazah – agar lebih fleksibel dan seimbang.

⁴ Menurut penerangan pegawai di JTM, golongan 'profesional' di sini merujuk kepada pemegang ijazah dan diploma yang mempunyai kelulusan daripada institusi pengajian tinggi.

1.4 Kaedah Kajian dan Sumber Data

Kajian ini merupakan kajian yang menggunakan data sekunder (*secondary research*) di mana penyelidikan perpustakaan dilakukan untuk mendapatkan maklumat dan data tentang pengangguran, khususnya di kalangan penganggur siswazah Malaysia.

Maklumat diperolehi daripada sumber-sumber seperti buku, jurnal, artikel, kertas kerja yang dibentangkan di pelbagai persidangan dan seminar, laman web internet serta temubual dengan pegawai di JTM. Data sekunder bagi kajian ini pula diperolehi daripada pelbagai laporan dan penerbitan daripada JTM, Jabatan Perangkaan, Rancangan Malaysia, Laporan Ekonomi, Rangka Rancangan Jangka Panjang Malaysia dan lain-lain sumber yang berkaitan.

1.5 Batasan Kajian

Antaranya ialah:

- Data yang diperolehi dari JTM mempunyai kekurangan memandangkan pendaftaran dilakukan secara suka rela dan tidak semua majikan serta pencari kerja mendaftar di sini dalam usaha mendapatkan pekerjaan dan pekerja. Ini kerana terdapat saluran lain yang turut menyediakan khidmat pencarian kerja seperti agensi pekerjaan swasta, iklan di akhbar dan internet.
- Sukar untuk mengenalpasti penganggur sebenar (tidak mempunyai pekerjaan langsung) di kalangan pencari kerja yang berdaftar di JTM. Mungkin ada di antara mereka berada dalam kategori *underemployment*. Jadi, penganggur bagi kajian ini merangkumi penganggur sebenar dan penganggur tidak ketara.

1.6 Istilah dan Definisi

Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh telah memberikan definisi bagi istilah guna tenaga seperti di lampiran 1. Secara ringkas, ia dapat dirumuskan seperti pada rajah 1.1 di bawah.

Rajah 1.1

Rumusan



Sumber: Disesuaikan daripada Wook Endut. (1998). "Gunatenaga, Pengangguran dan Isu-isu Penting Dalam Pasaran Buruh". Dalam Abd. Ghafar Ismail & Md. Zyadi Md. Tahir (pnyt.) *Makroekonomi Malaysia Perspektif Dasar*, him. 305-346. Universiti Kebangsaan Malaysia.

1.7 Isi kandungan Kajian

Kajian ini terdiri daripada lima bab, di mana bab satu memuatkan pengenalan; pernyataan masalah; objektif, skop dan kepentingan kajian; kaedah kajian dan sumber data; batasan kajian; istilah dan definisi serta isi kandungan kajian.

Bab dua akan menyorot hasil kajian serta penulisan tentang corak pengangguran siswazah dan faktor-faktor yang mempengaruhinya di samping melihat perkembangan pasaran buruh Malaysia dalam tahun 90-an serta senario pengangguran siswazah di Malaysia.

Analisis trend penganggur siswazah di Malaysia sepanjang tempoh 1998-2002 akan cuba dikupas secara terperinci dalam Bab Tiga. Trend yang dibincangkan akan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu trend keseluruhan dan trend khusus. Trend khusus akan melihat corak pengangguran golongan ini berdasarkan jantina, kumpulan umur, bidang pekerjaan, kelulusan, kumpulan etnik, bidang pengajian, institusi pengajian tinggi, sektor pekerjaan, saluran mendapat pekerjaan, negeri mendaftar bagi mendapatkan pekerjaan, tahun tamat pengajian dan penempatan.

Bab empat akan membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhinya seperti perkembangan institusi pendidikan tinggi negara, *mismatch* dalam pasaran buruh siswazah, pertumbuhan ekonomi serta kelemahan diri siswazah.

Kesimpulan kajian dan cadangan berkenaan tindakan yang perlu diambil untuk menangani masalah ini akan diperjelaskan dalam bab terakhir, iaitu bab lima.